

Nelayan tak ke laut, jaring rosak akibat ombak besar

UM 3/10/2024 pg 30

BAGAN DATUK: Ombak besar akibat fenomena air pasang yang melanda perkampungan nelayan di sini baru-baru ini menjelaskan nelayan apabila peralatan menangkap ikan terutama jaring menangkap ikan rosak dan dihanyutkan ombak.

Ombak besar juga menyebabkan sebuah pelantar ikan rosak dan tidak selamat untuk digunakan. Kotak plastik bekas menyimpan ikan turut dihanyutkan ombak.

Antara kampung nelayan yang terjejas termasuk Bagan Sungai Tiang, Bagan Sungai Burung dan Bagan Ikan.

Nelayan di sini menyifatkan kejadian fenomena air pasang

besar yang berlaku kali ini terburuk pernah dialami mereka.

Ini kerana, air pasang besar naik sehingga paras 3.5 meter menyebabkan banyak rumah nelayan tepi pantai dinaiki air.

Seorang nelayan, Nizam Mat Dan, 50, berkata, fenomena air pasang besar itu paling buruk pernah dialami apabila air laut naik hingga ke rumah penduduk.

Menurutnya, air pasang besar berlaku kira-kira pukul 5 pagi, merosakan peralatan menangkap ikan terutama jaring.

"Air pasang besar menyebabkan peralatan menangkap seperti jaring tenggelam dan dihanyutkan air. Jaring ikan rosak sepenuhnya," katanya.



NIZAM Mat Dan membaiki jaring ikan yang koyak akibat dihanyutkan ombak semasa fenomena air pasang besar di Bagan Sungai Tiang, Bagan Datuk, baru-baru ini. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN